

**KERJA-KERJA SENGGAARAAN DAN MENAIKTARAF SISTEM ELEKTRIK DAN
PENGUDARAAN DI KAFETARIA ASRAMA DESASISWA KPTM BANGI**

1. Harga yang ditawarkan didalam Ringkasan Sebutarga ini hendaklah mengambil kira perkara-perkara yang dijelaskan di dalam Arahan Kepada Petender, Spesifikasi, Bidang Kerja dan Syarat-syarat Am Sebutarga.
2. Sebelum pelaksanaan kerja, pembekal/syarikat hendaklah memahami dan mematuhi perkara-perkara berikut bagi mengelakkan silap tafsiran ke atas keterangan kerja yang sama ada dinyatakan atau tidak dinyatakan :
 - a) Mana-mana kerja yang berkaitan dengan menanggal dan memasang pintu, *frame* pintu, tingkap, *frame* tingkap, siling dan sebagainya yang memerlukan kerja mengetuk, memecah dinding, lantai, siling dan seumpamanya hendaklah dibuat dengan kemas dan rapi manakala bahagian yang diketuk atau dipecahkan hendaklah diperkemarkan dengan kerja menampal, menyimen, mengecat (di bahagian luar dan dalam) dan menggantikan jubin seperti warna dan saiz asal.
 - b) Mana-mana kerja membekal dan memasang peralatan seperti paip air, *shower*, pintu, tingkap, mangkuk tandas dan sebagainya hendaklah dilengkapi dengan aksesori-aksesori yang berkaitan seperti engsel, tombol, door closer (pada pintu utama), *bottle trap*, selak pintu dan kunci yang berkualiti tinggi dan lain-lain yang berkaitan. Untuk kerja membekal dan memasang pintu, tingkap, *frame* pintu dan *frametingkap* hendaklah bersekali dengan kerja-kerja mengecat.
 - c) Mana-mana kerja yang melibatkan tatacorak, warna, bentuk, jenis/jenama dan sebagainya hendaklah mendapat persetujuan daripada pegawai penguasa kolej terlebih dahulu.
 - d) Mana-mana kerja yang melibatkan pendawaian elektrik, elektronik dan sistem rangkaian internet perlu mematuhi semua peraturan atau akta yang ditetapkan oleh pihak berkuasa. Pembekal/syarikat perlu mengujilari dan mentauliah peralatan, pendawaian, perbekalan dan sistem yang dipasang adalah selamat untuk digunakan.
3. Barang atau peralatan yang dibekalkan hendaklah barangan yang original sepertimana spesifikasi yang dinyatakan. Sekiranya pembekal/syarikat membekalkan barang atau peralatan yang tidak mengikut spesifikasi yang dinyatakan maka pembekal/syarikat hendaklah memaklumkan kepada pegawai berkuasa kolej bagi mendapat persetujuan secara bertulis. Nilai barang atau peralatan yang hendak ditukar hendaklah sama atau lebih daripada yang dinyatakan dalam borang sebutarga dan pembekal tidak dibenarkan membuat sebarang tuntutan tambahan ke atas barang atau peralatan yang hendak ditukar.

No. Sebutharga : KPTM/SH/BG/2026/UPK-007

Tarikh Tutup Iklan : 26 JANUARI 2026

JAM 12.00 TGH HARI

**KERJA-KERJA SENGGAARAAN DAN MENAIKTARAF SISTEM ELEKTRIK DAN
PENGUDARAAN DI KAFETARIA ASRAMA DESASISWA KPTM BANGI**

Harga yang ditawarkan di dalam dokumen ini hendaklah mengambil kira perkara-perkara yang dijelaskan di dalam arahan kepada Pembekal/Syarikat, spesifikasi, bidang kerja dan syarat-syarat am sebutharga.

Bil	Perkara	Unit	Kuantiti	Kadar (RM)	Harga (RM)
1.0	KERJA AWALAN (UMUM)				
	1.1 Penyediaan papan tanda amaran keselamatan, penutupan kawasan kerja (jika perlu), kerja mobilisasi, penyediaan tenaga kerja, pengangkutan, peralatan, PPE, pengurusan tapak dan pelupusan sisa ke tapak yang dibenarkan pihak berkuasa.	Pukal	Pukal		
	1.2 Pengujian awal pendawaian sedia ada dan persediaan peralatan.	Pukal	Pukal		
	1.3 Kerja-kerja pembersihan kawasan kerja sepanjang tempoh pelaksanaan sehingga kerja siap sepenuhnya.	Pukal	Pukal		
2.0	Kerja-kerja merangkumi :-				
	2.1 Kerja-kerja membekal, memasang dan menggantikan casing laluan kabel jenis metal/PVC 2"x2" berwarna oren berserta aksesori bagi menggantikan pendawaian sedia ada mengikut piawaian keselamatan elektrik.	Meter	40		
	2.2 Kerja-kerja membekal dan memasang kipas industri 21" serta kekemasan pendawaian serta pengujian.	Unit	2		
	2.3 Kerja-kerja membekal dan memasang kipas siling jenis KDK atau setara denganya bagi menggantikan kipas sedia ada yang telah rosak.	Unit	1		
	2.4 Kerja-kerja membekal dan memasang kipas dinding serta kerja-kerja pendawaian dengan menggunakan wayar 2.5mm conduit dan kerja-kerja berkaitan.	Unit	4		
	2.5 Kerja-kerja pendawaian soket 13A dengan menggunakan wayar 2.5mm ² lengkap dengan truncking conduit, aksesori dan kerja-kerja	Unit	7		

No. Sebutharga : KPTM/SH/BG/2026/UPK-007

Tarikh Tutup Iklan : 26 JANUARI 2026

JAM 12.00 TGH HARI

Bil	Perkara	Unit	Kuantiti	Kadar (RM)	Harga (RM)
	berkaitan khas mesin niaga di Kafeteria Asrama KPTM.				
	2.6 Membekal dan memasang kipas penyedut haba 12" serta kerja-kerja pendawaian.	Unit	4		
	2.7 Kerja-kerja mentauliah (testing and commisioning) keseluruhan sistem elektrik agar berfungsi dengan baik.	Pukal	1		
3.0	TEMPOH SAHLAKU SEBUTHARGA Semua catatan harga dalam dokumen ini hendaklah sah selama 90 hari dari tarikh tutup sebutharga.				
4.0	LAWATAN TAPAK 4.1 Syarikat / pembekal perlu membuat temujanji terlebih dahulu dengan pegawai yang bertanggungjawab kolej atau asrama bagi mendapatkan tarikh dan masa lawatan untuk melihat lokasi dan membuat ukuran sebenar kerja yang akan dilakukan sebelum tarikh tutup sebutharga ini pada				
	4.2 Pengkhususan Pelawaan .: 4.2.1 SSM Jenis Perniagaan: Elektrik/ Penyelenggaraan/ Pembinaan 4.2.2 CIDB : E04 Nota : Pihak kontraktor harus meneliti dan Memahami dokumen sebutharga,spesifikasi dan diwajibkan membuat lawatan ke tapak pembinaan untuk menentukan tahap kefahaman terhadap kerja-kerja tersebut dari segi karakter dan persekitaraan kerja serta pengukuran di tapak sebelum menghargakan tawaran sebutharga.				

No. Sebutarga : KPTM/SH/BG/2026/UPK-007

Tarikh Tutup Iklan : 26 JANUARI 2026

JAM 12.00 TGH HARI

Bil	Perkara	Unit	Kuantiti	Kadar (RM)	Harga (RM)
5.0	TAKLIMAT KERJA 5.1 Pembekal/Syarikat diwajibkan memberi taklimat kerja dan taklimat keselamatan kepada pekerjaanya sebelum memulakan kerja-kerja yang berkaitan. 5.2 Pembekal/Syarikat perlu memahami dan mematuhi semua perkara penting seperti yang dicatat pada NOTA PENTING di LAMPIRAN 2. 5.3				
6.0	PENGHANTARAN / TARIKH SIAP DAN JAMINAN KERJA 6.1 Kerja-kerja dijangka siap dalam tempoh _____ hari. 6.2 Jaminan kerja adalah selama ____ bulan. 6.3 Pembekal/Syarikat hendaklah menyediakan laporan bergambar sebelum dan selepas kerja dilaksanakan apabila membuat tuntutan (Cetakan berwarna dan dibuat 2 salinan)				
7.0	PEGAWAI YANG BERTANGGUNGJAWAB i. Pn.Fatin :- 013-7385776 ii. En.Ismawe : 019-7078398 iii. En.Shafiq : 011 – 36737860				
8.0	PEGAWAI PENGUASA KOLEJ Pengarah KPTM Bangi				

No. Sebutharga : KPTM/SH/BG/2026/UPK-007

Tarikh Tutup Iklan : 26 JANUARI 2026

JAM 12.00 TGH HARI

Bil	Perkara	Unit	Kuantiti	Kadar (RM)	Harga (RM)
	KERJA-KERJA SENGGERAAN DAN MENAIK TARAF SISTEM ELEKTRIK DAN PENGUDARAAN DI KAFETARIA ASRAMA DESASISWA KPTM BANGI				
	JUMLAH HARGA TAWARAN KESELURUHAN (RM) :				
	Ringgit Malaysia : _____				

	NOTA : Kontraktor disifatkan telah memeriksa dan meneliti tapak bina dan sekitarnya,bentuk dan jenis tapak bina,takat dan kerja,bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan kerja,cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke tapak bina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko,luar jangkaan dan segala hal keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan sebut harganya.				

NAMA SYARIKAT & COP :.....

TANDATANGAN :.....

NO. PENDAFTARAN SYARIKAT (SSM) :.....

NO. TIN (LHDN) :.....

NAMA PEGAWAI :

NO. TELEFON :

TARIKH :

*Penghantaran sebutharga dengan menggunakan letterhead syarikat beserta cop/mohor syarikat
AMAT DIWAJIBKAN.

NOTA PENTING

1. Pembekal/Syarikat hendaklah memastikan kekemasan akhir permukaan lantai / tapak binaan adalah sekata dan sama tinggi serta berkeadaan bersih dari sisa binaan dan habuk.
2. Kerja-kerja keselamatan, kekemasan dan kebersihan amat dititikberatkan.
3. Semasa kerja-kerja dijalankan, bahan-bahan di tapak kerja, alat-alat perabut dan peralatan peribadi yang dimiliki oleh penghuni mestilah dikawal dari kerosakan disebabkan oleh api, cuaca, kecuaiannya pekerja-pekerja atau lain-lain sebab.
4. Apa-apa kerosakan yang terjadi kepada kerja-kerja yang dijalankan, bahan-bahan bangunan, perabut dan peralatan peribadi yang disebabkan oleh pekerja Pembekal/Syarikat mestilah diperbaiki atau diganti oleh pihak pembekal/syarikat.
5. Pembekal/Syarikat juga mestilah memastikan langkah-langkah keselamatan supaya semua peralatan dan bahan kerja yang digunakan adalah tidak mudah dicuri / hilang dari tapak kerja.
6. Pembekal/Syarikat haruslah peka pada sebarang risiko kecurian / kehilangan dan adalah menjadi tanggungjawab Pembekal/Syarikat untuk mengganti baru peralatan / bahan tersebut.
7. Pembekal/Syarikat adalah bertanggungjawab mendapatkan perlindungan insurans terhadap semua pekerja dalam apa-apa risiko dan kemalangan ditempat kerja:
 - i. Insuran untuk Kemalangan dan Kerosakan Hartabenda (Insurance Against Personal Injuries and to Property)
 - ii. Pampasan Pekerja (Workmen Compensation)
 - iii. Insuran Kerja (Insurance of Works)
8. Jika terdapat mana-mana tapak kerja mengganggu kawasan awam atau tempat berjalan kaki, Pembekal/Syarikat mestilah menyediakan penutup keselamatan yang mencukupi serta lorong-lorong yang berpagar bagi mengasingkan tempat-tempat yang berbahaya untuk dilalui.
9. Pembekal/Syarikat hendaklah membuang / membawa keluar semua sisa kerja / sisa buangan dan sampah ke tempat buangan yang dibenarkan oleh PBT di luar kawasan kolej.
10. Pembekal/Syarikat yang berjaya hendaklah menghantar sampel bahan (jika berkaitan) yang digunakan bagi tujuan pemilihan oleh pegawai penguasa kolej.
11. Pembekal/Syarikat dikehendaki menyediakan tenaga kerja yang kompeten dengan kerja-kerja yang akan dilaksanakan seperti di dalam sebutarga.
12. Pembekal/Syarikat dikehendaki melantik orang yang berkelayakan bagi menjalankan kerja-kerja pendawaian, pemasangan peralatan elektrik dan berdaftar dengan penguasa-penguasa bekalan bagi melaksanakan dan menguji sistem elektrik yang dibuat.

13. Pembekal/Syarikat dikehendaki mematuhi sepenuhnya Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) dalam melaksanakan perkhidmatan dan mengambil alih tanggungan KPTMSB dalam Akta 541 dalam melaksanakan perkhidmatan.
14. Sebarang peralatan atau kemudahan KPTMSB yang digunakan oleh Pembekal/Syarikat adalah seperti yang sedia ada (as it is). Penggunaan peralatan dan kemudahan tersebut adalah atas tanggungan Pembekal/Syarikat sendiri.
15. KPTMSB tidak memberi sebarang jaminan bahawa peralatan atau kemudahan KPTMSB tersebut adalah boleh diguna, sesuai untuk tujuannya atau bersesuaian dengan peralatan pembekal/syarikat.
16. KPTMSB tidak akan menanggunggrugi atas sebarang kerosakan atau kerugian terhadap peralatan Pembekal/Syarikat ATAU sebarang kecederaan terhadap pekerja, pelawat atau wakil Pembekal/Syarikat yang diakibatkan oleh penggunaan peralatan atau kemudahan KPTMSB.
17. Kerja-kerja elektrik yang dijalankan hendaklah mematuhi Undang-Undang, Undang-Undang Kecil, Peraturan-Peraturan, dan Pekeliling-Pekeliling yang dikeluarkan oleh :
 - i. Suruhanjaya Tenaga.
 - ii. Jabatan Keselamatan Pekerjaan Dan Kesihatan.
 - iii. Jabatan Bomba Dan Penyelamat.
 - iv. Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia
 - v. Pemegang Lesen Dan Pihak Berkuasa Bekalan Elektrik .
 - vi. Pihak Berkuasa Tempatan.
18. Kerja-kerja elektrik yang dijalankan hendaklah juga mengikut bahagian-bahagian yang berkenaan dengannya di dalam :
 - i. Spesifikasi Standard JKR Cawangan Elektrik
 - ii. Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447) dan semasa
 - iii. Undang-Undang Kecil Seragam Bangunan semasa
 - iv. Peraturan-Peraturan Elektrik 1994
 - v. Edisi terbaru MS IEC 364;1996 / BS 7671 (IEE Wiring Regulation)
 - vi. Standards and Codes of Practice' berkenaan yang dikeluarkan oleh SIRIM/Jabatan Standard.

SURAT AKUAN PEMBIDA / PETENDER

BAGI

NO. SEBUTHARGA : KPTM/SH/BG/2026/UPK-007

**KERJA-KERJA MEMBEKAL DAN MEMASANG SENGARAAN PENGGANTIAN ALAT
PENGHAWA DINGIN DI KAMPUS KOLEJ POLY-TECH MARA BANGI.**

Saya, _____ nombor K.P. _____ yang mewakili _____ dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Kolej Poly-Tech MARA** atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga / tender seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa* bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Kolej Poly-Tech MARA** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga / tender seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil :

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi sebut harga di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi sebut harga di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan / KPTM yang berkuat kuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga / tender seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....

Nama :

No. K/P :

Cop Syarikat :

* Wakil syarikat yang menandatangani bagi pihak syarikat dikehendaki mengemukakan Surat Perwakilan Kuasa (**Lampiran**)

KLAUSA PENCEGAHAN RASUAH DAN TIPUAN BIDA DALAM DOKUMEN PEROLEHAN KPTMSB

Versi Bahasa Kebangsaan

“PENAMATAN DISEBABKAN OLEH RASUAH, TIPUAN BIDA, AKTIVITI HARAM ATAU AKTIVITI YANG MENYALAHAI UNDANG-UNDANG ATAU TIPUAN BIDA

- a) Tanpa prasangka kepada apa-apa hak lain KPTMSB, sekiranya [Syarikat / Kontraktor], kakitangan, pengkhidmat atau pekerjaanya disabitkan oleh Mahkamah atas kesalahan rasuah atau aktiviti haram atau aktiviti yang menyalahi undang-undang atau didapati melakukan pelanggaran larangan tipuan bida di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] yang berkaitan dengan Perjanjian ini atau apa-apa perjanjian lain yang dimasuki oleh [Syarikat / Kontraktor] dengan KPTMSB, KPTMSB hendaklah berhak untuk menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa, dengan memberi notis bertulis dengan serta merta kepada [Syarikat / Kontraktor] untuk menyatakan sedemikian kepada [Syarikat / Kontraktor].
- b) KPTMSB berhak menuntut daripada [Syarikat / Kontraktor] apa-apa bentuk pampasan, kos, ganti rugi, kerosakan dan perbelanjaan termasuk apa-apa kos perbelanjaan sampingan yang ditanggung oleh KPTMSB akibat daripada penamatan itu.
- c) Pihak-pihak bersetuju bahawa [Syarikat / Kontraktor] tidak berhak kepada apa-apa bentuk kerugian termasuk kerugian perolehan pendapatan, pampasan, ganti rugi, kos, perbelanjaan dan sebagainya akibat daripada penamatan itu”.

****Klausa penamatan di atas telah dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara.**

Yang Benar,

.....
(Nama dan No. KP _____)

Cop Syarikat :

* Wakil syarikat yang menandatangani bagi pihak syarikat dikehendaki mengemukakan Surat Perwakilan Kuasa (**Lampiran**)